



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD
12 OKTOBER 2025



Kerajaan tekad lahir sumber tenaga mahir menerusi TVET

Modul pendidikan akan diperkukuh berasaskan teknologi terkini bagi penuhi kehendak pasaran

Ipoh: Kerajaan melalui Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara komited melahirkan sumber tenaga mahir tempatan yang mencukupi sekali gus mengurangkan ketergantungan terhadap tenaga kerja asing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata beliau berterima kasih atas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin yang memperuntukkan sebanyak RM7.9 bilion bagi membolehkan Majlis TVET Negara melaksanakan program TVET di seluruh negara.

Ahmad Zahid juga Pengerusi Majlis TVET Negara berazam memperkukuh modul pendidikan TVET berasaskan teknologi terkini seperti robotik, kecerdasan buatan (AI), Internet of Things (IoT), automotif serta bidang berkemahiran tinggi lain bagi memenuhi kehendak pasaran, khususnya pasaran pelaburan langsung asing (FDI).

“Semoga ekosistem pendidikan baharu (TVET) dapat melahirkan lebih ramai tenaga berkemahiran dan profesional untuk memenuhi keperluan pasaran berdasarkan pelaburan syarikat multinasional (MNC) di Malaysia yang memerlukan tenaga mahir.

“Kita tidak mahu tenaga mahir ini datang daripada pekerja asing, sebaliknya mesti 100 peratus rakyat Malaysia yang mendapat latihan TVET,” katanya kepada pemberita selepas meras-



Ahmad Zahid melawat ruang pameran selepas merasmikan Ekspo TVET@KKDW 2025 di Ipoh, semalam.

(Foto BERNAMA)

mikan Ekspo TVET@KKDW 2025 anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, Timbalan Menteri KKDW, Datuk Rubiah Wang serta Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Muhi Khair Razman Mohamed Annuar.

Timbalan Perdana Menteri turut menegaskan komitmen kerajaan terhadap pendidikan inklusif dengan membuka peluang kepada pelajar pondok dan tahfiz, khususnya yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran, untuk melanjutkan pengajian di enam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), sekali gus membuktikan tiada kelompok yang ditinggirkan daripada penyertaan kursus TVET.

Mengenai peruntukan Belanjawan TVET 2026 berjumlah keseluruhan RM7.9 bilion, Ahmad Zahid berkata RM45 juta dipe-

runtukkan kepada Majlis TVET Negara, RM1.3 bilion kepada Institut TVET di bawah Kementerian Pendidikan (KPM), RM3 bilion kepada HRD Corp, RM650 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan RM34 juta kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), manakala baki peruntukan digunakan untuk menaik taraf kemudahan serta membina institut baharu.

Pemacu utama agenda TVET
Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Zahid yang juga Menteri KKDW berkata Kementerian itu, pemacu utama agenda TVET negara dengan rangkaian 281 institusi TVET di Malaysia, dan kadar kebolehpasaran graduan TVET kini mencecah 95.1 peratus, manakala di kolej vokasional melonjak antara 97.6 hingga 98.7 peratus.

“Malah, transformasi minda masyarakat juga semakin jelas. Pada 2024, lebih 53.5 peratus pelajar lepasan sekolah memilih aliran TVET sebagai laluan pendidikan mereka. Ini lambang

perubahan paradigma TVET bukan lagi dianggap pilihan kedua, tetapi pilihan utama masa depan,” katanya.

Katanya, sehingga kini, 442 pelatih teknosahawan dilahirkan melalui TVETMARA dengan jualan terkumpul mencecah RM119.88 juta, manakala GIATMARA berjaya melahirkan 50 usahawan berstatus jutawan dan disasarkan 50 lagi menjelang 2030.

Mengenai pencapaian antarabangsa, Ahmad Zahid bangga atas kejayaan Malaysia munculkan juara WorldSkills ASEAN 2025 di Manila, Filipina dengan meraih 13 pingat emas, empat perak dan tiga gangsa, yang sebahagian besarnya disumbangkan pelajar GIATMARA, Institut Kemahiran MARA, MARA Japan Industrial Institute dan Universiti Kuala Lumpur (UnikL).

Ahmad Zahid menyatakan visinya kemahiran adalah ‘mata wang baharu negara’ di mana TVET bukan sekadar sijil tetapi nilai yang menentukan kedudukan Malaysia di pentas dunia.

BERNAMA

Akhbar	Harian Metro
Tarikh	12 Oktober 2025
Ruang	Lokal
Muka Surat	10

Kota Bharu: Lebih 161,000 pencari kerja di Kelantan yang berdaftar di portal MyFutureJobs sebagai saluran mencari peluang pekerjaan bermula 2022 sehingga September lalu.

Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Asri Ab Rahman berkata, daripada statistik itu, 36,330 berjaya memperoleh pekerjaan tetap atau sementara dalam pelbagai sektor.

Katanya, pencapaian itu sekali gus membuktikan keberkesanan strategi Perkoso dalam memperkukuhkan pasaran kerja.

"Kejayaan ini hasil kerjasama erat di antara Perkoso, majikan dan agensi berkaitan dalam menyediakan peluang pekerjaan yang lebih inklusif serta mampan.

"Dalam pasaran buruh yang semakin dinamik, kebolehpasaran tenaga kerja amat penting dan Perkoso melalui MyFutureJobs terus berperanan sebagai jambatan utama yang menghubungkan pencari kerja dengan majikan serta merealisasikan dasar pekerjaan negara," katanya.

Beliau berkata demikian

'Tawaran gaji diterima lebih baik berbanding tempat lama'



ASRI (lima dari kanan) bersama sebahagian penerima sumbangan Program Cakna Prihatin PERKESO-SSM selepas perasmian Karnival Kerjaya MyFutureJobs-PERKESO LINDUNG Anak Kelate di Pusat Dagangan Kelantan (KTC), semalam. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

selepas merasmikan Karnival Kerjaya MyFutureJobs-PERKESO LINDUNG Anak Kelate di Pusat Dagangan Kelantan (KTC) di sini, semalam. Hadir sama, Pengarah PERKESO Kelantan, Nora Yaacob.

Karnival Kerjaya MyFutureJobs yang diadakan selama dua hari bermula semalam menawarkan lebih

5,000 peluang pekerjaan melalui penyertaan 21 majikan yang menawarkan pelbagai jawatan tetap dan sementara serta pakej gaji yang kompetitif.

Sementara itu, Abdul Mukmin Wahab, 35, berkata, dia meluahkan rasa syukur kerana berjaya memperoleh pekerjaan baharu selepas menghadiri

temu duga sempena Karnival Kerjaya MyFutureJobs yang berlangsung beberapa bulan lalu, sekali gus memberi sinar harapan baharu buat dirinya dan keluarga.

"Sebelum ini, saya bekerja di Koperasi Guru Melayu sejak tahun 2018 namun syarikat berkenaan terpaksa menamatkan operasi pada April lalu atas se-

bab-sebab tertentu.

"Selepas kehilangan pekerjaan, saya gigih mencari pelbagai pekerjaan demi menampung keperluan keluarga termasuk empat orang anak yang berusia di antara setahun enam bulan hingga 10 tahun.

"Alhamdulillah, pada Jun lalu, saya menghadiri temu duga dan seterusnya dita-

warkan pekerjaan sebagai mekanik di Hila Autocare, Kampung Sireh, pada Julai lalu," katanya.

Katanya, tawaran gaji diterimanya kini lebih baik berbanding tempat kerja lamanya dan dia sangat menghargai peluang kedua diberikan melalui inisiatif MyFutureJobs serta kerjasama PERKESO.

TVET teras lahirkan tenaga mahir tempatan

Peruntukan RM7.9 bilion dalam Belanjawan 2026 pastikan modul TVET berasaskan teknologi tinggi diperkukuh

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Modul pembangunan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) berasaskan teknologi tinggi seperti robotik akan terus diperkukuh, selaras dengan pengumuman Belanjawan 2026 yang menyediakan peruntukan lebih tinggi sebanyak RM7.9 bilion.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ekosistem pendidikan TVET yang diperkuatkan ini termasuklah kecerdasan buatan (AI), automotif dan Internet of Things (IoT) bertujuan melahirkan tenaga kerja profesional dan berkemahiran tinggi yang memenuhi kehendak pelabur multinasional (MNC).

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) itu berkata, ketika ini pasaran pelaburan langsung asing (FDI) antaranya di Kulim Hi-Tech Park, cadangan Lembah Silikon Kedah, Johor-Singapore Special Economic Zone dan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) memerlukan negara menyediakan tenaga berkemahiran tinggi yang mencukupi.

"Kita tidak mahu tenaga mahir ini datang daripada pekerja asing tetapi mesti 100 peratus rakyat Malaysia yang mendapat latihan TVET.

"Kami berazam memperkuat lagi



Ahmad Zahid (tengah) melihat demonstrasi mesin robot sebagai simbolik perasmian Ekspo TVET@KKDW 2025 di Pusat Konvensyen Ipoh pada Sabtu.



modul-modul TVET berasaskan teknologi tinggi untuk memenuhi kehendak pasaran khususnya pasaran FDI atau pelabur-pelabur antarabangsa yang melabur di negara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Ekspo TVET@KKDW 2025 di Pusat Konvensyen Ipoh di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun; Timbalan Menteri KKDW, Datuk Rubiah Wang dan Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar.

Ahmad Zahid berkata, daripada RM7.9 bilion dana tersebut, sebanyak RM45 juta diperuntukkan kepada Majlis TVET Negara bagi pelaksanaan program

menerap teknologi digital dan AI kepada pelajar tahfiz dan pondok.

Selain itu, katanya, sejumlah RM1.3 bilion diperuntukkan kepada institut di bawah Kementerian Pendidikan, RM3 bilion kepada Human Resource Development Corporation (HRD Corp), RM650 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan RM34 juta kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

"Baki peruntukan akan digunakan untuk membina institusi TVET baharu dan menaik taraf fasiliti di seluruh negara," jelasnya.

Pada Jumaat, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan untuk TVET dinaikkan kepada RM7.9 bilion dalam Belanjawan 2026 meningkat daripada RM7.5 bilion pada tahun sebelumnya.

Langkah itu berikutan lebih ramai bakat tempatan bidang TVET diperlukan bagi memenuhi keperluan industri bertumbuh tinggi.